

PENGARUH ISLAM TERHADAP ADAT MASYARAKAT BAJAU KOTA MARUDU: ANALISIS PERUBAHAN AMALAN SOSIOBUDAYA DAN SOSIOEKONOMI

(The Influence of Islam on the Local Customs of the Bajau Community in Kota Marudu: An Analysis of Sociocultural and Socioeconomic Change)

Jasman Bandar

jasmanbandar@ums.edu.my

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Kampus Antarabangsa Labuan, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Jasman Bandar. (2026). Pengaruh Islam terhadap adat masyarakat Bajau Kota Marudu: Analisis perubahan amalan sosiobudaya dan sosioekonomi. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(1), 99–122. [https://doi.org/10.37052/jm.19\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jm.19(1)no4)

Peroleh: Received:	12/8/2025	Semakan: Revised:	13/1/2026	Terima: Accepted:	16/1/2026	Terbit dalam talian: Published online:	31/1/2026
-----------------------	-----------	----------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (This article has undergone a double blind peer-review process)

Abstrak

Adat masyarakat tempatan merupakan suatu identiti sosial yang menjadi landasan kepada pembentukan budaya kehidupan membentuk kesejahteraan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Namun demikian, tidak semua adat warisan temurun itu berada di landasan Islam sebenar. Dinamika perkembangan Islam yang berlaku secara sistematik menyebabkan perubahan signifikan kesan fahaman Islam yang membentuk amalan adat budaya masyarakat Bajau. Maka dengan itu, kajian pengaruh Islam terhadap adat tempatan masyarakat Bajau Kota Marudu: Analisis perubahan amalan sosiobudaya dan sosioekonomi. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan pendekatan secara kajian kes. Proses kutipan data dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian langsung dan tidak langsung. Peningkatan pemahaman dan kefahaman terhadap Islam membawa perubahan demi perubahan yang memberikan kesan signifikan terhadap perkembangan sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat setempat. Hal ini menunjukkan Islam mempunyai pengaruh yang dominan dalam menentukan keberadaan dan kedudukan dalam amalan sesebuah adat masyarakat Bajau Kota Marudu secara keseluruhannya. Implikasi kajian ini

memberikan kesan terhadap perkembangan budaya sosial masyarakat Bajau yang kompleks dan secara praktikalnya akan meningkatkan keamanan, kesejahteraan dan kedamaian kerana menyerlahkan nilai-nilai Islam dalam pengamalan adat budaya tempatan.

Kata kunci: Pengaruh Islam, adat tempatan, Bajau, Kota Marudu, perubahan amalan sosiobudaya dan sosioekonomi

Abstract

Local community customs serve as a crucial component of social identity that forms the foundation of cultural life, contributing to societal well-being and harmony. However, not all traditional customs align with the true teachings of Islam. Nevertheless, the dynamic and systematic development of Islam has brought about significant changes, shaping the cultural practices of the Bajau community in Kota Marudu. This study aims to examine the influence of Islam on the local customs among the Bajau community in Kota Marudu by analysing the changes in both sociocultural and socioeconomic practices. Using a qualitative case study approach, data were collected through interviews, as well as direct and indirect observations. The findings indicate that a deeper understanding and internalisation of Islamic teachings have triggered notable changes, significantly impacting the community's sociocultural dynamics and socioeconomic development. Islam now plays a dominant role in determining the presence, position, and practice of local customs within the Bajau community of Kota Marudu. The implications of this study highlight the transformative role of Islam in the evolving social fabric of the Bajau community. Practically, it fosters greater peace, prosperity, and communal harmony by embedding Islamic values within local cultural customs.

Keywords: The influence of Islam, local customs, Bajau, Kota Marudu, sociocultural and socioeconomic changes

PENDAHULUAN


Adat merupakan paksi kehidupan masyarakat tradisi yang berperanan penting dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan hidup manusia. Kegagalan menjaga adat budaya leluhur dianggap menderhaka kepada orang-orang terdahulu dan tidak patuh kepada budaya (Azmin Pullong *et.al.*, 2022). Penjagaan suatu adat amat dituntut oleh masyarakat terdahulu dan sering diberikan penekanan oleh orang-orang tua kepada generasi muda untuk mencapai kesejahteraan sosial. Maka dengan itu, masyarakat menunjukkan kepatuhan mereka dengan melakukan amalan adat yang diajarkan oleh orang-orang terdahulu kepada mereka.

Namun, seiring perubahan zaman telah berlaku perkembangan pengetahuan pendidikan dalam masyarakat Bajau. Mereka sudah mulai bijak dalam memahami adat dan budaya daripada neraca Islam, terutamanya peranan golongan muda yang telah mendapat pendidikan dan menerusi pendidikan formal ini telah memamatkan

pemikiran mereka tentang kehidupan beragama dan beradat (Azmin Pullong *et.al.*, 2022). Pemahaman dan pengetahuan yang mendalam berkenaan dengan ajaran Islam, maka perubahan ini memberikan kesan kepada kepercayaan dan amalan masyarakat terhadap adat budaya mereka. Seterusnya, memberikan kesan yang dramatik terhadap perubahan amalan adat dan budaya.

Kewujudan pengaruh Islam dalam kehidupan masyarakat Bajau menyebabkan hampir keseluruhan amalan dalam adat dan budaya menerapkan konsep dalam agama Islam. Kendatipun demikian, tidak dinafikan bahawa masih terdapat beberapa kesan kepercayaan terdahulu masih lagi berada dalam fikiran masyarakat, terutamanya kepada golongan tua dan golongan muda yang kurang pengetahuan dalam aspek agama (Jasman & Asmiaty, 2025). Atas sebab demikian, mereka hanya meyakini suatu amalan dalam adat itu benar kerana sudah diamalkan sejak sekian lama dalam kehidupan mereka. Kepercayaan ini telah tertanam dalam diri mereka sejak kecil lagi. Maka, segala amalan yang mereka warisi dianggap sebagai suatu kewajiban untuk diikuti. Perbuatan melanggar adat yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka dianggap tidak menghormati budaya mereka sendiri.

Amalan dan penerapan konsep adat masyarakat Bajau Kota Marudu turut disampaikan secara lisan yang disesuaikan dengan memasukkan citra dan ajaran Islam. Maka dengan itu, adat dan amalan disandarkan kepada Islam (Jasman & Lokman, 2018). Pengaruh Islam dalam kehidupan masyarakat Bajau Kota Marudu telah memperhalus dan memurnikan pemikiran dan falsafah mereka tentang adat dan budaya masyarakat setempat. Oleh itu, dapat dilihat perubahan signifikan telah



Rajah 1 Kosmologi Bajau Pantai Barat.
(Sumber: Saidatul Nornis Mahali Bajau Pantai Barat (2012).)

berlaku terhadap adat dan budaya, yakni Islam menjadi landasan kepada perubahan yang dilakukan, demi memastikan kelangsungan kehidupan berbudaya (Jasman & Lokman, 2018). Islam menjadi penguat elemen adat dalam kehidupan masyarakat Bajau. Hal ini dikatakan demikian kerana pada dasarnya tujuan pewujudan adat adalah untuk membentuk nilai murni dalam kehidupan masyarakat. Pembentukan disiplin dalam kehidupan masyarakat ini selari dengan pengamalan norma kehidupan setempat.

Pada dasarnya, kepercayaan sudut pandang dunia masyarakat Bajau telah mengakui bahawa Allah berada pada peringkat yang paling atas, dan mempunyai hierarki tersendiri.

Latar Belakang Masyarakat Bajau Kota Marudu

Masyarakat Bajau di Kota Marudu terdiri daripada etnik Bajau Samah yang mendiami kawasan Pantai Barat Utara. Keunikan dan keunggulan dalam dunia maritim merupakan antara kearifan sejati yang mereka miliki. Antara kemahiran mereka termasuklah berkemampuan dalam menentukan perubahan cuaca, angin dan ombak laut (Yap, 1995). Kemahiran ini mereka warisi daripada nenek moyang mereka yang membuat pemerhatian dan interpretasi terhadap fenomena yang berlaku di sekeliling. Umpamanya, jika ada anak ombak yang berbentuk panjang, itu menandakan akan adanya ombak besar. Jika ada burung terbang berlalu di atas laut dengan jumlah yang banyak, itu tandanya akan ada ribut. Pelbagai fenomena alam lain harus mereka ketahui demi memastikan kelangsungan kehidupan.

Dari segi latar belakang ekonomi, kebanyakan mereka menjadi nelayan, bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta, serta mengusahakan perniagaan. Masyarakat Bajau Kota Marudu memiliki pelbagai keunikan dalam tradisi lisan dan tradisi kebendaan yang menjadi lambang jati diri budaya (Jasman & Lokman, 2018). Selain itu, mereka amat menjaga warisan adat, seperti dalam falsafah kehidupan mereka “hidup ini harus beradat, agar kehidupan sentiasa berkat”. Kepentingan menjaga adat ini sememangnya sudah menjadi amalan sejak usia kanak-kanak lagi sehinggalah dewasa. Hal ini bertujuan untuk memastikan kesejahteraan sosial dapat direalisasikan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sungguhpun masyarakat Bajau telah menerima ajaran Islam, tetapi memang tidak dapat dinafikan amalan sinkretisme dalam masyarakat masih lagi diamalkan oleh segelintir masyarakat, terutamanya bagi mereka dalam kategori golongan lama dan golongan masyarakat yang kurang berpendidikan (Malinowski, 1965; Syamsul 2013). Maka dengan itu, terdapat amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam

yang masih diamalkan. Perkara ini pada dasarnya, dapat diselesaikan jika masyarakat mempunyai cukup ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini telah menemukan keunikan bagaimana Islam membawa kepada perubahan terhadap amalan adat yang disesuaikan secara signifikan untuk memastikan kelangsungan pengamalan adat dalam konsep dan konteks yang bersesuaian.

Berkenaan dengan kepercayaan masyarakat Bajau tentang dunia kehidupan mereka dapatlah disandarkan menerusi kenyataan Mohd Taib Osman (1997) yang menjelaskan kepercayaan orang Melayu berakar kepada tiga, iaitu kepercayaan Islam, animisme dan Hindu Buddha. Dalam masyarakat Bajau juga tidak terkecuali daripada pengaruh unsur sinkretisme yang telah berlaku sejak dahulu. Kesan daripada kepercayaan sinkretisme yang menebal ini, menyebabkan terdapat segelintir masyarakat yang masih percaya dan mengikuti amalan terdahulu (Maxwell, 1879). Namun, keunikan masyarakat Bajau Kota Marudu adalah bagaimana mereka dapat mengekalkan amalan adat tradisi budaya dan menggantikan segala kepercayaan dan amalan yang bertentangan dengan Islam, dengan menggunakan elemen yang ada dalam Islam.

Pengaruh agama Islam pada dasarnya, bersifat holistik dalam kehidupan sesebuah masyarakat yang memahami ajaran Islam secara mendalam. Salah satu perubahan yang ketara ialah aspek perkembangan sosiobudaya dan sosioekonomi (Halina Sendera, 2007). Kedua-dua aspek tersebut merupakan perkara yang amat dominan berlaku dalam kehidupan masyarakat Bajau Kota Marudu. Dalam kajian ini terdapat pelbagai faktor dalaman dan luaran yang menjadi faktor yang membawa kepada perubahan adat budaya masyarakat Bajau Kota Marudu dan menerima Islam sebagai faktor dominan yang membawa kepada perubahan adat budaya (Jasman, Lokman & Asmiaty, 2018).

Pada dasarnya, masyarakat Bajau Kota Marudu amat menyanjung adat dan budaya. Maka dengan itu, adalah tidak mudah untuk mereka menerima perubahan-perubahan adat dan budaya. Hal ini kerana masyarakat Bajau Kota Marudu amat menyanjung budaya nenek moyang mereka. Oleh yang demikian, sebarang kesan memerlukan faktor yang kuat yang dapat mempengaruhi kepercayaan dan amalan mereka terhadap sesuatu adat. Oleh itu, penelitian terhadap faktor-faktor yang membawa kepada perubahan adat ini merupakan suatu perkara yang unik untuk dikaji dalam mewujudkan suatu dimensi ilmu pengetahuan baharu. Beberapa permasalahan kajian dirumuskan berdasarkan kenyataan di bawah:

- i) Kedatangan Islam telah memberikan pengaruh dan membawa kepada perubahan adat, bagaimanakah proses penyesuaian dan perubahan berlaku dalam masyarakat Bajau Kota Marudu?

- ii) Masyarakat Bajau Kota Marudu amat menyanjung tinggi budaya dan nilai tempatan. Bagaimanakah nilai Islam mempengaruhi adat dalam masyarakat ini?
- iii) Setelah menerima pengaruh Islam, bagaimanakah bentuk perubahan-perubahan yang berlaku dan sejauh manakah penerimaan dan amalannya?

Adat dalam masyarakat Bajau Kota Marudu mengalami perubahan-perubahan yang disesuaikan mengikut peredaran zaman. Salah satu faktor unik yang memberikan kesan kepada perubahan ini ialah perubahan penerimaan masyarakat setempat terhadap Islam. Pemahaman dan kefahaman terhadap Islam menjadi salah satu faktor penyumbang kepada perubahan ini. Hal ini disebabkan oleh kewujudan pengaruh Islam yang mencorakkan pemikiran dan sekali gus membawa kepada perubahan tingkah laku.

Perubahan ini diperkuat dengan pengaruh pendidikan, yakni golongan baharu membawa ilmu, dan pemahaman yang mereka pelajari untuk mentafsir adat dalam neraca Islam. Segala amalan budaya tradisi yang bertentangan, digantikan dengan amalan-amalan yang sesuai dengan Islam. Maka dengan itu, kajian ini amat signifikan untuk meneroka bagaimana Islam mempengaruhi adat, dan sekali gus membawa kepada pemurnian amalan agar semuanya tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

TINJAUAN LITERATUR

Dalam kajian-kajian terdahulu, terdapat kajian-kajian yang membincangkan tentang sinkretisme dalam amalan adat dan budaya masyarakat setempat. Sepertimana dalam dapatan kajian Halina Sendera Mohd Yakin (2007), membincangkan tentang bagaimana pengaruh sinkretisme masih lagi mencorakkan budaya masyarakat setempat sungguhpun mereka telah menerima ajaran Islam sejak sekian lama. Pengaruh adat warisan tradisi daripada nenek moyang mereka menyebabkan amalan berkenaan sinkretisme ini terus memberikan kesan kepada kehidupan masyarakat setempat walaupun tidak berlaku secara terang-terangan. Perkara ini berlaku disebabkan kepercayaan masyarakat setempat masih lagi menebal dan masih lagi menyanjung tinggi amalan adat budaya daripada nenek moyang mereka.

Dalam konteks kajian Azmin Pullong (2020) mendapati bahawa faktor kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap amalan adat budaya setempat menyebabkan mereka masih lagi mengekalkan amalan yang mereka warisi daripada nenek moyang mereka. Tambahan pula, wujud tanggapan daripada masyarakat bahawa usaha untuk mengamalkan dan melestarikan amalan daripada nenek moyang mereka dianggap sebagai suatu usaha untuk mereka menghormati nenek moyang


mereka dan menyanjung jati diri budaya mereka. Oleh yang demikian, sungguhpun Islam sudah diketahui merupakan panduan dan petunjuk kepada ilmu yang bersifat sejagat, namun masyarakat setempat masih lagi percaya dan berpegang teguh terhadap adat-adat yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka.

Secara keseluruhannya, berdasarkan maklumat daripada kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa dalam kajian-kajian terdahulu tidak banyak yang membincangkan tentang perubahan adat budaya tradisi kepada amalan dalam Islam. Perkara ini disebabkan oleh masyarakat yang dikaji masih lagi berpegang teguh kepada ajaran budaya daripada nenek moyang mereka, sungguhpun keberadaan ajaran Islam telah sekian lama wujud. Perkara ini berlaku disebabkan oleh masalah kurang pengetahuan agama dalam masyarakat setempat. Sebagaimana yang dijelaskan dalam kajian Syamsul Azizul Alan (2013), kesan daripada kurangnya pengetahuan agama Islam dalam kehidupan masyarakat menyebabkan mereka masih lagi mengamalkan adat dan budaya daripada nenek moyang mereka. Hal ini disebabkan oleh budaya mereka sejak kecil lagi. Tambahan pula, untuk memastikan perubahan dalam ajaran budaya tradisi kepada amalan sepenuhnya dalam Islam itu sebenarnya tidak mudah. Perubahan ini memerlukan waktu dan juga faktor pendorong yang membawa kepada pengekalkannya. Salah satu pendorongnya termasuklah wujudnya golongan yang memiliki tahap pengetahuan agama yang diperkukuh oleh sokongan daripada masyarakat setempat.

Berdasarkan senario tersebut, hal ini merupakan jurang permasalahan kajian berbanding kajian-kajian lepas, iaitu mengkaji secara mendalam berkenaan pengaruh Islam terhadap perubahan amalan adat budaya setempat. Daripada kajian yang dilaksanakan ini, didapati bahawa pengaruh Islam telah membawa kepada banyak perubahan budaya masyarakat Bajau Kota Marudu secara signifikan yang mengutamakan ajaran Islam sebagai panduan untuk kehidupan beradat. Fenomena ini menjadi suatu bentuk keunikan yang tidak semua masyarakat yang berbudaya mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Dalam konteks kajian adat di Kota Marudu, masyarakat masih lagi mengekalkan adat yang lama, namun perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam tidak lagi diamalkan. Kebanyakan amalan telah mengalami perubahan signifikan, yakni amalan terdahulu banyak digantikan dengan amalan dalam Islam dan mempertahankan nilai dalam Islam. Maka dengan itu, daripada sudut lainnya, membuktikan bahawa masyarakat Bajau dapat melestarikan adat dengan memperkasakan budaya Islam dalam amalan harian dalam kehidupan sosiobudaya dan sosioekonomi. Oleh sebab demikian, perubahan inilah merupakan justifikasi punca kajian ini perlu dibangunkan kerana menyumbang kepada *novelty* menerusi penemuan dapatan kajian baharu yang unik.

KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Dalam kajian ini menggunakan kerangka analisis daripada Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang (1984) yang terdiri daripada dua pengkaedahan, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Dalam Pengkaedahan Alamiah terdapat tiga pendekatan, iaitu pendekatan guna, pendekatan firasat dan pendekatan moral, manakala dalam Pengkaedahan Keagamaan pula, terdiri daripada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Bagi menganalisis pengaruh perubahan dalam sosiobudaya dan sosioekonomi dalam adat masyarakat Bajau Kota Marudu, penyelidik hanya menggunakan dua pendekatan daripada enam pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini, iaitu pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan keagamaan.



Rajah 2 Kerangka analisis kajian pengaruh Islam terhadap adat tempatan masyarakat Bajau Kota Marudu: Analisis perubahan amalan sosiobudaya dan sosioekonomi.

Penggunaan pendekatan kemasyarakatan adalah bertujuan untuk mendalami perihai berkenaan amalan adat yang mereka warisi daripada nenek moyang mereka yang telah sekian lama menjadi amalan dan panduan dalam kehidupan sosial mereka. Seterusnya dalam usaha untuk mengkaji pengaruh agama Islam dan perubahan terhadap amalan adat dan budaya masyarakat Bajau Kota Marudu, maka digunakan pendekatan keagamaan untuk menganalisis amalan-amalan yang berkaitan dengan ajaran Islam yang diterapkan dalam kehidupan seharian. Memandangkan masyarakat Bajau Kota Marudu beragama Islam, maka kepentingan pembentukan budaya dan amalan dalam adat itu adalah bersandarkan kepada ajaran Islam. Dalam konteks kajian ini, pendekatan keagamaan ini membantu dalam menganalisis perubahan adat yang disesuaikan dengan ajaran Islam.

Teori Pengkaedahan Melayu ini memuatkan kerangka analisis yang dapat diterapkan untuk menganalisis dimensi alam dan agama Islam yang ada dalam

tradisi dunia kemelayuan. Bertepatan dalam kajian ini, kesemua orang Bajau Kota Marudu merupakan penganut agama Islam. Adat dalam kehidupan masyarakat Bajau berteraskan kepada dua konsep, iaitu ilmu yang berteraskan tradisi budaya setempat dan ilmu yang berteraskan kepada ilmu pengetahuan yang ada dalam ajaran Islam. Ilmu pengetahuan tradisi membentuk pengetahuan berkenaan adat, dan ilmu pengetahuan dalam Islam membentuk adat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian secara kualitatif digunakan dalam meneroka fenomena berkenaan pengaruh Islam terhadap amalan adat masyarakat Bajau Kota Marudu. Hal ini membawa penerokaan lebih mendalam terhadap perkembangan sosiobudaya dan sosioekonomi. Pemilihan masyarakat Bajau Kota Marudu adalah disebabkan oleh daerah ini masih terletak di kawasan pedalaman. Tambahan pula, keunikan daerah ini ialah masyarakat Bajau yang mendiami kawasan ini masih lagi berpegang teguh pada adat dan amalan tradisi nenek moyang mereka. Meskipun demikian, saban hari terdapat perubahan signifikan terhadap amalan tersebut. Pengaruh Islam menjadi faktor pendorong kepada perubahan sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat Bajau di situ.

Kajian ini dilakukan di beberapa buah kampung yang majoriti penduduknya dihuni oleh masyarakat Bajau. Antara kawasan perkampungan tersebut termasuklah Kampung Beliajung, Kampung Taritipan, Kampung Marudu Laut dan Kampung Biraan. Peserta kajian yang dipilih adalah terdiri daripada golongan tua yang berpengalaman. Kebanyakan antara peserta kajian yang ditemu bual ialah empat orang peserta kajian yang berumur lebih 50 tahun hingga 70 tahun yang pekerjaan mereka merupakan nelayan. Justifikasi pemilihan peserta kajian dalam kalangan orang yang berusia adalah disebabkan oleh mereka mempunyai banyak pengalaman tentang amalan adat dalam budaya. Oleh yang demikian, faktor ini dapat memudahkan penyelidik untuk bertanya secara langsung dan memahami serta menerokai secara mendalam bagaimana bentuk perubahan adat berlaku kesan daripada pengaruh Islam.

Dalam proses pelaksanaan kajian, terdapat beberapa etika kajian yang dilakukan oleh penyelidik bagi memastikan tiada sebarang isu berkenaan kajian berlaku. Seperti yang diketahui umum bahawa isu berkenaan adat ini adalah merupakan antara isu yang agak sensitif dan memerlukan pemahaman dan pelaksanaan yang profesional agar tidak ada sebarang masalah yang tidak diinginkan berlaku. Maka dengan itu, isu etika yang pertama dilakukan oleh penyelidik adalah dengan memohon kebenaran untuk melakukan kajian daripada peserta kajian. Perkara ini dilakukan bagi menghormati hak peserta kajian sama ada bersetuju atau tidak untuk menjadi narasumber. Kedua, dengan menjelaskan maksud dan tujuan penyelidikan, iaitu semata-mata untuk

kajian akademik. Perkara ini perlu dinyatakan bagi mengelakkan kesalahfahaman dan kekeliruan dalam kalangan peserta kajian. Selain bertujuan untuk menggalakkan kerjasama antara peserta kajian dengan penyelidik tanpa rasa takut dan perasaan was-was, maka ini akan memudahkan proses kutipan data secara sistematik.

Semasa proses kutipan data dilakukan di lapangan kajian, penggunaan kaedah secara temu bual, pemerhatian secara langsung dan tidak langsung oleh penyelidik dilaksanakan. Justifikasi penggunaan kaedah temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada peserta kajian. Menerusi penggunaan kaedah temu bual, penyelidik mendapat peluang untuk bertanya secara langsung dan secara mendalam berkenaan dengan matlamat kajian, iaitu bagaimanakah fenomena pengaruh Islam membentuk perubahan amalan budaya masyarakat setempat? Dalam usaha untuk memudahkan penerokaan secara mendalam berkenaan dengan topik kajian, maka penyelidik telah menetapkan penggunaan temu bual secara berstruktur digunakan bagi memberikan peluang kepada penyelidik untuk meneroka secara mendalam berkenaan pengaruh Islam terhadap perubahan sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat Bajau Kota Marudu.

Dalam pelaksanaan kajian ini juga, penyelidik telah menggunakan kaedah pemerhatian sama ada secara langsung dan tidak langsung. Perkara ini dilakukan oleh penyelidik dengan menyertai aktiviti masyarakat setempat seperti menghadiri acara kenduri atau ketika ada kematian berlaku, penyelidik akan turut bersama-sama orang kampung. Kaedah pemerhatian ini adalah amat penting selain menyokong data temu bual yang telah dilakukan oleh penyelidik terhadap peserta kajian, usaha ini juga membantu dalam meluaskan pemikiran dan penerokaan penyelidik terhadap sesuatu fenomena kehidupan. Pada masa yang sama, usaha ini juga membantu penyelidik dalam membuat interpretasi ke atas perkembangan dan perubahan adat masyarakat Bajau Kota Marudu dalam konteks perubahan sosiobudaya dan sosioekonomi. Proses analisis kajian dilakukan dengan menggunakan analisis secara manual, iaitu dengan menggunakan analisis secara tematik. Pelaksanaannya adalah dengan mengkategorikan adat berserta perubahan-perubahan yang telah berlaku kesan pengaruh Islam.

DAPATAN KAJIAN

Faktor Pendorong yang Membawa kepada Perubahan Adat Budaya Masyarakat Bajau Kota Marudu

Perubahan amalan dalam adat masyarakat Bajau itu pada dasarnya, tidaklah berlaku secara langsung tanpa ada faktor pendorong yang menyebabkan perubahan dalam aspek pemikiran dan perlakuan budaya masyarakat terhadap adat yang selama ini

diamalkan oleh nenek moyang mereka. Masyarakat Bajau pada umumnya amat takut melanggar adat kerana bimbang akan terkena “tulah” atau “busung”, iaitu sesuatu yang dianggap akan memberikan kesan mudarat kepada mereka jika tidak dituruti. Dari segi kepercayaan, masyarakat Bajau Kota Marudu menganggap bahawa melanggar adat yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka dapat dianggap sebagai suatu “penderhakaan” yang merupakan kesan daripada perkara ini dipercayai bahawa kehidupan seseorang itu tidak akan tenang selagi mereka tidak patuh dan memohon keampunan daripada nenek moyang mereka.

Oleh yang demikian, masyarakat setempat masih lagi percaya dan mengamalkan adat lama tersebut. Namun demikian, seiring peredaran waktu, kehidupan masyarakat menerima pengaruh daripada pelbagai bentuk budaya sama ada dalam budaya Islam atau budaya Barat. Keadaan tersebut menyebabkan mereka tidak lagi terikat dengan adat dan ajaran yang telah diwarisi daripada nenek moyang mereka. Kesan daripada senario tersebut menyebabkan mereka mula berfikir dan terus berfikir menggunakan logik dan rasional untuk mencari kebenaran dan keyakinan terhadap perkara yang mereka lakukan. Perkara ini bertujuan untuk memastikan mereka mendapat kehidupan yang lebih baik.

Peningkatan Tahap Pendidikan Generasi Muda

Perkembangan dan peningkatan tahap pendidikan menjadi faktor penyumbang kepada perubahan adat budaya dengan kemasukan Islam. Terdapat golongan anak muda yang sudah berjaya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Maka, merekalah yang membawa perubahan dalam konteks ilmu pengetahuan dan pengalaman yang mereka bawa masuk ke dalam kampung untuk diterangkan, ditegur dan dibimbing untuk melaksanakan ajaran Islam yang sesungguhnya dan memberikan bimbingan dan larangan kepada masyarakat setempat untuk tidak melakukan amalan-amalan bidaah yang bertentangan dengan ajaran dalam Islam.

Golongan muda ini berperanan penting dalam memastikan segala amalan berkenaan adat tempatan masih lagi berdasarkan konsep Islam dan berlandaskan syariat. Peranan utama mereka dalam memberikan teguran kepada masyarakat dengan mengutarakan idea dan pandangan mereka berkenaan Islam berdasarkan sokongan ilmu pengetahuan dan pemahaman mendalam terhadap Islam. Golongan muda ini akan menjadi pelapis yang akan mencorakkan perubahan amalan adat budaya tempatan agar selari dengan nilai Islam. Maka dengan itu, kewujudan golongan muda yang berpendidikan membantu dalam proses perubahan adat agar berlandaskan Islam. Perkara ini amat penting dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan kehidupan bermasyarakat untuk menjauhi amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam.

Kewujudan Imam yang Bertauliah dan Memiliki Ikhtisas Pendidikan

Dalam sistem kenduri yang diamalkan oleh masyarakat setempat, mereka sering kali memanggil imam untuk membacakan doa kesyukuran, doa arwah dan sebagainya. Oleh itu, peluang ini diambil oleh imam yang bertauliah untuk menyampaikan ajaran-ajaran dalam Islam dan menegur perilaku yang menyimpang daripada ajaran agama Islam. Menurut peserta kajian:

“Amun un jomo bahangi, bioso nei, un manggil imam, dokong imam boi narang iyen prosidur pinikai nuut ta syariat agama ti Islam, supaya nuut kunsip amar ma’ruf nahi mungkar.”

“Setiap kali ada acara seperti kenduri kendara, kami biasa akan memanggil imam. Seperti biasa imam akan menerangkan segala prosedur mengikut syariat yang ada dalam Islam yang menekan konsep amar makruf nahi mungkar.”

Berdasarkan kenyataan peserta kajian di atas, menjelaskan bahawa kewujudan imam yang bertauliah dalam mengendalikan perihal berkenaan agama menyebabkan perubahan adat dan budaya yang mementingkan nilai Islam. Jika dahulunya, masih terdapat imam-imam yang tidak mendapat tauliah dan lazimnya, apabila mereka pandai mengaji, maka mereka menawarkan diri menjadi imam walaupun mereka hanya belajar secara sendiri daripada individu masyarakat yang menawarkan kelas asas fardhu ain (KAFA). Namun, tindakan ini sebenarnya tidak mencukupi, seseorang yang dilantik mestilah dalam kalangan mereka yang bertauliah dan memiliki pengetahuan agama yang baik. Maka, barulah mereka dapat memimpin masyarakat untuk mengamalkan ajaran Islam sebenar.

Oleh yang demikian, peranan imam yang bertauliah ini amat penting dalam memimpin, memberikan pendidikan agama kepada masyarakat setempat tentang perkara yang boleh dilakukan dan perkara yang tidak boleh dilakukan dalam pengamalan adat budaya tempatan. Golongan imam bertauliah ini juga akan memberikan cadangan untuk menukar amalan tradisi terdahulu yang bertentangan dengan amalan-amalan dalam Islam yang benar. Tujuannya adalah untuk memastikan segala adat dapat terus dilaksanakan dan diamalkan, namun terdapat perubahan dengan memasukkan amalan dalam Islam bagi menyempurnakan adat yang diamalkan agar tidak lagi bertentangan dengan ajaran Islam. Perkara ini sekali gus mengatasi masalah penduduk tempatan yang fanatik dengan adat budaya nenek moyang mereka yang sejak sekian lama diamalkan tanpa mengetahui dan memahami keseluruhan berkenaan konsep adat yang diamalkan.

Pengaruh Golongan Pendakwah

Pengaruh golongan pendakwah sama ada secara langsung dan tidak langsung telah memberikan banyak ilmu pengetahuan dan pemahaman masyarakat terhadap Islam. Oleh sebab demikian, pengaruh tersebut telah meningkatkan kemampuan berfikir mereka terhadap sesuatu perkara menurut landasan Islam. Pengaruh pendakwah ini berlaku di kawasan masjid dengan memberikan ceramah kepada masyarakat tentang nilai-nilai dalam ajaran Islam. Para pendakwah ini terdiri daripada masyarakat setempat dan juga orang dari tempat lainnya yang datang memberikan penerangan berkenaan ajaran dalam Islam. Menerusi peningkatan terhadap kefahaman masyarakat akan ilmu dan nilai dalam Islam telah menyebabkan mereka berfikir secara matang dan mendalam tentang suatu amalan adat yang masih mereka percaya dan amalkan adakah perkara ini tidak bertentangan dengan Islam? Jika jawapannya ya, maka mereka akan menukar amalan dalam adat tersebut dengan amalan-amalan dalam Islam dan masih meneruskan adat tersebut tetapi dengan mengubahnya berdasarkan konsep-konsep yang ada dalam ajaran Islam.

Golongan muda yang berpendidikan ini berperanan penting sebagai pelapis kepada generasi terdahulu untuk memimpin kampung dalam mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Maka dengan itu, sudah pastinya usaha ini sedikit sebanyak membawa perubahan kepada amalan adat masyarakat setempat dengan menyeru masyarakat mengamalkan adat harus berkonsepkan tauhid dan amalan yang benar. Golongan muda berpendidikan ini sama sekali tidak melarang masyarakat mengamalkan adat budaya warisan asalkan adat tersebut tidak bertentangan dengan ajaran dalam Islam. Kenyataan ini selaras dengan teori kajian yang digunakan dalam pendekatan keagamaan yang mementingkan agama Islam sebagai panduan dan rujukan dalam pengamalan adat budaya tradisi.

Perubahan Konsep dan Amalan Adat Budaya Setempat Kesan Pengaruh Islam

Pengaruh Islam memberikan kesan yang dominan terhadap pengamalan budaya setempat. Hal ini menjadi landasan kepada masyarakat untuk menerima dan mengamalkan adat budaya tradisi yang sekian lama mereka warisi. Jika dahulunya, memang tidak dinafikan bahawa terdapat segelintir masyarakat yang kurang pengetahuan agama masih lagi mengamalkan adat-adat tradisi tanpa difahami dari sudut fahaman Islam.

“Dedau jomo, niak bana pandai ugama, gai nuut joh iyen, namaal maan mititoo gai. Eh noh tinarus niamal lek gai.”

“Seperti orang dahulu, masih kurang pengetahuan agama, mereka akan menurut apa yang telah diamalkan oleh nenek moyang mereka. Itu yang mereka terus amalkan.”

Atas sebab demikian, segala citra dan nilai berkenaan adat tersebut masih lagi diyakini dan diamalkan sama ada disedari dan tanpa disedari. Perkara ini perlu diambil berat kerana segala amalan adat yang bertentangan dengan Islam adalah amat dilarang kerana pengamalannya sudah tentu mengundang dosa syirik dan malapetaka. Seterusnya, amalan adat yang masih bertentangan dengan Islam akan menyebabkan masalah keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat akan terganggu. Maka dengan itu, perubahan-perubahan secara dramatik terhadap adat telah berlaku dengan penyesuaian terhadap amalan dalam Islam. Dalam dimensi perubahan adat ini seperti yang dijelaskan dalam teori adalah untuk mementingkan nilai budaya tradisi dan Islam. Maka dengan itu, pengaruh Islam yang kuat mendominasi adat. Dalam masyarakat Bajau Kota Marudu, mereka lebih mementingkan nilai kepercayaan terhadap Islam terlebih dahulu sebelum meyakini adat tradisi yang mereka warisi.

Adat untuk Menjalankan Perniagaan (Sosioekonomi)

Dalam konteks sosioekonomi, adat tersebut menjurus kepada aktiviti perniagaan yang mereka lakukan. Pada dasarnya, dalam masyarakat Bajau Kota Marudu mereka mempunyai struktur kepercayaan untuk menjalankan adat dalam perniagaan. Pelaksanaan adat untuk menjalankan perniagaan dilakukan oleh masyarakat Bajau Kota Marudu pada masa dahulu dengan menggunakan beberapa amalan yang dianggap sebagai pelaris yang akan meningkatkan hasil jualan secara berkesan. Namun demikian, amalan ini sebenarnya terdapat pertentangan apabila seseorang itu terlalu taasub akan amalan yang mereka lakukan. Walaupun pada dasarnya, masih terdapat amalan yang tidak menggunakan sihir atau semangat, namun amalan tersebut dapat mengundang kesesatan sama ada disedari atau tanpa disedari.

“Dedau kok jomo bedagang tu, eko bana sab amalan gai, amun ni namaal. Kok busung eling jomo titoo. Jadi dokom kami dedau nut joh, iyen pinabara maan titoo kami. Amun niak tinuut kurapak sab gai. Jadi itu embara jomo dedau, babarkan amun kang bedagang, supaya kulek roh jomo meli, amun kulek nei roh gai, ai gai teko meli iyen pedagang bi. Jadi eko noh tuturan gai, eko ginis-ginis babar niamal lek jomo dedau.”

“Pada masa dahulu, jika seseorang berniaga, banyak amalan yang mereka amalkan, jika tidak diamalkan akan menyebabkan musibah. Itulah kata-kata orang terdahulu. Jadi, orang terdahulu menurut sahaja. Jika tidak diikuti, maka ada yang bisings. Jadi kata-kata orang terdahulu, kamu harus mengungkapkan suatu kata-kata yang

dikenali dengan istilah ‘babar’ supaya dapat memujuk orang membeli, jika dapat roh mereka, maka mereka akan datang ke tempat kalian berjualan. Jadi, terdapat pelbagai jenis kata-kata babar yang diamalkan.”

Antara amalan yang dilakukan adalah dengan menggunakan daun limau kasturi untuk menarik rezeki dan amalan ini dianggap seolah-olah menarik keinginan seseorang untuk membeli jualan. Dalam situasi ini, terdapat keterangan daripada golongan tua. Menurut narasumber kajian (2025), daun limau dan segala jenis daun yang diletakkan di tempat jualan adalah bertujuan untuk menghalau pelbagai jenis serangga yang berpotensi untuk mengganggu tanaman. Pada kebiasaannya, jualan (terutamanya jualan basah seperti ikan, makanan dan sayur-sayuran) akan mengundang serangga untuk datang. Kedatangan segala jenis serangga ini akan merosakkan jualan. Namun, terdapat juga beberapa fahaman segelintir masyarakat Bajau yang percaya bahawa haiwan-haiwan tersebut ialah jelmaan daripada makhluk halus yang menyebabkan jualan seseorang menjadi rosak. Maka dengan itu, beberapa jenis tumbuhan dipercayai dapat menghalau semangat jahat yang dibawa oleh haiwan tersebut.

“Betiru, ai eko no berubah taat laa, gai niak no makai adat jomo dedau yang niak nuut ta’ ajaran maan Islam. Sabab tinauh pan sasat.”

“Sekarang ini banyak sudah berubah kehidupan di kampung, masyarakat pada hari ini tidak sudah mengamalkan adat dahulu yang bertentangan dengan Islam, sebab ada kesedaran bahawa amalan tersebut dapat mengundang kepada kesesatan.”

Namun, setelah meningkatnya kefahaman terhadap Islam, amalan ini ditukar kepada amalan dalam Islam. Adat lama yang menggunakan tumbuh-tumbuhan untuk menghalau serangga masih diteruskan. Amalan ini ditambah dengan amalan dalam Islam yang memulakan bacaan *bismillah hirahman nirrahim* yang dilakukan sebelum memulakan sebarang aktiviti perniagaan dan ditambah lagi dengan bacaan selawat serta bacaan ayat al-Quran sebagai amalan yang memperkuat amalan ibadah dalam berniaga dan mendekatkan diri dengan Tuhan. Amalan ini dilakukan untuk mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah serta dipermudah urusan mencari rezeki.

Adat untuk Membina Rumah (Muat Ruma’)

Dalam adat membina rumah, masyarakat Bajau terikat dengan adat dan pantang larang dahulu kala. Terdapat beberapa adat yang bercanggahan dengan Islam yang

diamalkan oleh masyarakat Bajau, seperti adat “mengeraha” yang dilakukan dengan memberikan makan kepada makhluk jin dan para semangat yang ada di kawasan rumah yang dibangun. Menurut narasumber:

“Jomo dedau un joh amalan gai, supaya kunuk buli nelamat kiti maan bahaya, jadi amun muat rumah eh, eko no pantang larang, amalan, jadi gitu serita ni, amun jomo ampun rumah ngeroso perasaan niak alap dokom teneh, pedih betong, begagar jantung, pedih puhu, tuut kok iyen iyen un reso sediri. Ehn no nianggap un kunuk makhluk ghaib nuut at gai, un tagihan nei mengkiti. eh konok tejadi begae sabab iyo kono un pinaku makluk gaib eh. Bah amun niak tinuut eh noh iyo ngenduleh kok dandam ta kiti. Jadi amun begae noh eh no konok tarus iyo ngogo ngasau kiti sampai no konok kiti muan iyen pinaku gai. Jadi eh no konok un adat ngeraha tu. Jomo gaib eh penakan boh nei soho pindah ta taun, pinaku ta gai dong lagi ngasau, ai salasai noh utang. Jadi eh no konok sara mben nelamat jomo.”

“Orang terdahulu ada saja amalannya, supaya dapat menyelamatkan kita daripada bahaya, jadi jika membuat rumah, terdapat banyak pantang larang. Ceritanya begini, jika seseorang yang mempunyai rumah merasakan sesuatu tidak baik seperti menghadapi sakit demam, sakit perut, bergegar jantung, sakit badan, kaki merasa sakit-sakit, keadaan tersebut dianggap hasil gangguan daripada makhluk halus. Jika tidak diikut maka makhluk halus marah dan berdendam kepada kita. Jadi jika demikian berlaku, maka makhluk tersebut akan terus mengganggu sehingga kita telah menunaikan apa yang mereka mahu. Jadi itulah ada adat mengeraha. Makhluk ghaib akan diberikan makanan, barulah mereka akan disuruh berpindah dan dipinta untuk tidak mengganggu, maka hutang telah selesai. Jadi, itulah cara menyelamatkan seseorang daripada gangguan makhluk halus.”

Dalam adat ini, mereka memanggil orang yang memiliki kemampuan berinteraksi dengan semangat dan jin untuk berinteraksi dan berunding dengan makhluk tersebut untuk berpindah ke tempat lainnya dan menyuruh makhluk tersebut berjanji tidak akan datang mengganggu dan menyakiti manusia yang tinggal di rumah tersebut. Sebagai balasannya, mereka akan diberikan persembahan dan tanda di setiap tiang rumah dengan darah ayam yang telah disembelih. Walaupun adat ini dahulu kalanya tidak diamalkan oleh kebanyakan orang Bajau, dan hanya dilakukan oleh orang-orang yang mendapat musibah gangguan daripada makhluk halus, namun amalan ini ternyata bercanggah dengan ajaran Islam.

Hal ini kerana dalam ajaran Islam, manusia tidak memerlukan apa-apa perantara untuk mendapatkan sesuatu pertolongan dan perlindungan. Jika memohon perlindungan, maka mereka akan melakukan permintaan dan permohonan langsung

kepada Allah. Amalan ini semakin lama semakin ditinggalkan dan hingga kini tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Bajau Kota Marudu. Mereka juga percaya bahawa hanya kepada Allah sahaja tempat mereka memohon pertolongan dan bantuan. Segala amalan yang bertentangan amat ditegah untuk diamalkan dalam masyarakat. Mereka juga percaya sekiranya terdapat amalan bertentangan dengan Islam diamalkan pasti akan mengundang musibah sama ada berupa hujan lebat, banjir dan sebagainya.

Setelah meningkatnya kefahaman terhadap Islam, adat ini ditukar kepada amalan majlis doa kesyukuran kerana mendapatkan sesuatu hasil, tidak hanya untuk pembinaan rumah. Segala sesuatu yang hendak diraih oleh masyarakat seperti seseorang tamat pengajian daripada bacaan Iqra kepada al-quran, lulus dalam akademik, dikurniakan keuntungan hasil perniagaan, mendapat perahu baharu dan segala sesuatu yang ingin mereka raihkan. Jika mampu mereka akan melakukan doa kesyukuran dengan mengadakan majlis membaca doa kesyukuran dan mengadakan makan-makan sebagai tanda terima kasih kepada Allah dan sebagai usaha untuk mendapat keberkatan demi keberkatan, agar dipermudah segala urusan, dan dijauhkan daripada segala malapetaka.

Amalan dalam pembinaan rumah dilakukan berlandaskan kepada ajaran Islam. Namun demikian, masih terdapat adat yang tidak bercanggah dengan Islam masih diamalkan dan disesuaikan berdasarkan kepada ajaran yang terdapat dalam Islam. Misalnya, amalan melihat arah matahari, dahulunya dianggap memberikan masa hadapan yang baik dalam membina rumah. Kepercayaan masyarakat Bajau dahulu tidak boleh membuat rumah membelakangi arah matahari terbenam, kononnya akan memberikan nasib tidak baik terhadap orang yang tinggal di rumah tersebut. Hal ini kononnya akan memudahkan makhluk halus masuk ke dalam rumah. Selain itu, adat ini juga dikaitkan dengan konsep rezeki, yang mana arah dalam pembangunan rumah itu mempengaruhi hasil rezeki mereka.

Kini, kepercayaan dalam adat tersebut ditukar kepada kepercayaan bahawa pembinaan rumah menghadap ke arah kiblat. Amalan ini dianggap akan menjadikan rumah yang dibina mendapat keberkatan. Pada sisi lainnya, rumah yang menghadap ke arah kiblat akan membantu dalam pelaksanaan aktiviti solat kerana penduduk dengan mudah mengetahui arah solat. Maka dengan itu, orang yang menjaga solat akan sentiasa diberikan perlindungan dan dimurahkan rezeki daripada Allah. Dalam adat membuat rumah ini juga diamalkan bacaan ayat-ayat al-Quran, zikir dan doa-doa dalam Islam sebagai tanda kesyukuran, memohon perlindungan daripada Allah dan menjadi penyejuk rumah yang dibina agar kehidupan menjadi selesa, tenang dan

tenteram kelak apabila rumah tersebut dihuni. Berdasarkan penerangan ini, jelaslah bahawa Teori Pengkaedahan Melayu telah dapat mengungkapkan kepentingan Islam dalam pembentukan budaya holistik masyarakat Bajau Kota Marudu.

Adat dalam Berkenduri

Pada masa dahulu, adat dalam berkenduri dipercayai dapat membantu seseorang memudahkan kehidupannya setelah berada di alam barzakh. Jika dahulu, amalan membuat kuih pinjaram dan panggi-panggi dianggap sebagai suatu kemestian ketika mengadakan majlis kenduri. Kuih pinjaram dan kuih panggi-panggi dianggap bantal dan tilam si mati di alam barzakh. Mengikut kepercayaan, penyediaan kuih tersebut mesti dipatuhi. Hal ini seperti yang dinyatakan peserta kajian di bawah:

“Dong kam niak nuut ta mentitoo bi. Tinagih kam ta akhirat. Roh gai tarus ngendah kiti ta duniya tu. Amun teko nu nasib bi, un joh nasib niak alap kita senumpah lek emboh bi. Kuih pinjaram kok panggi-panggi eh sebana nei un kaitan nei tak keluman jomo gaib. Amun kam niak muat panggi-panggi kok pinjaram, senumpah kam lek emboh bi. Ngini nyaun teko-teko ta alam nei. Eh no kam selalu ngupi ta alam, ta alam gaib kam ai senumpah lek emboh bi. Gai keluarga ti ai ngemban ai rihat gai. Jadi eh noh gai perlu bantal kok tilam emban gai turi. Amun nyaun eh. Sengsara noh gai, turi entana nyaun emban gai pelimpang.”

“Jangan kamu tidak menuruti amalan orang tua-tua terdahulu, kamu akan ditagih di akhirat. Roh mereka akan selalu melihat kita di dunia. Jika sampai nasib kita, ada saja terkena sumpahan oleh orang tua-tua jika kita ingkar pada amalan yang telah mereka diwariskan kepada kita. Menurut orang terdahulu kuih pinjaram dan panggi-panggi ada kaitan dan hubungannya dengan kehidupan dunia ghaib. Jika semasa kenduri kedua-dua jenis kuih ini tidak ada, maka kamu akan disumpah oleh nenek moyang kamu. Mereka akan hairan mengapa kuih tersebut tidak sampai-sampai kepada mereka. Maka dengan itu, kesannya, seseorang itu akan bermimpi, berjumpa dengan orang yang sudah meninggal. Kononnya, mereka yang telah meninggal menjadikan kuih pinjaram sebagai tilam dan kuih panggi sebagai bantal. Jika tiada, maka tiadalah tempat mereka beristirahat.”

Namun, kesan pemahaman yang mendalam terhadap Islam, amalan dan kepercayaan terhadap adat ini mengalami perubahan, yang mana kuih pinjaram dan kuih panggi-panggi dianggap sebagai sedekah kepada para tetamu yang datang kenduri dan pahalanya akan diniatkan untuk sampai kepada si mati. Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu, Islam sebagai pegangan kehidupan berbudaya masyarakat. Kesan penekanan terhadap Islam, berlaku perubahan dinamik yang membawa kepada adaptasi Islam dalam amalan budaya berkenduri dalam masyarakat Bajau Kota Marudu.

Adat Bangkai-bangkaian

Adat bangkai-bangkaian masih lagi diamalkan oleh segelintir masyarakat Bajau Kota Marudu pada masa ini. Namun kini, amalan tersebut semakin berkurangan dan semakin tidak diamalkan. Adat bangkai-bangkaian ini merupakan suatu kepercayaan bahawa selama tempoh tujuh hari dan tujuh malam selepas kematian seseorang, rohnya berada di rumah dan tidur di tempat dia menghembuskan nafas terakhir ataupun di tempat kawasan rumah si mati sama ada di bilik, di ruang tamu atau di luar kawasan rumah. Dalam kepercayaan masyarakat Bajau terdahulu, mereka percaya bahawa si mati masih lagi bersama-sama dan sedang ingin kembali ke rumah untuk tidur dan beristirahat di rumah terakhirnya. Dalam adat ini, mereka akan membentangkan tilam kecil dan bantal berserta kain. Dalam amalan adat ini, terkadang ada antara ahli keluarga akan berbicara seolah-olah berbual dengan si mati.

Namun setelah kedatangan Islam, adat ini mengalami perubahan, yang mana adat dan kepercayaan ini tidak lagi diamalkan. Masyarakat Bajau mengadakan majlis bertahlil, bacaan Yasin dan tadarus al-Quran. Adat berbicara dengan si mati digantikan dengan bacaan doa-doa yang diucapkan ketika selesai solat. Tujuan masyarakat tidak mengamalkan adat ini adalah untuk menghindari prasangka dan fitnah terhadap roh si mati. Hal ini disebabkan ketika mereka yakin sedang berbicara dengan roh si mati, maka terdapat bisikan-bisikan lain yang datang. Maka, bisikan tersebut menjadi kepercayaan mereka tentang apa yang berlaku, sedangkan hakikat itu hanya emosi, ilusi dan perasaan seseorang yang memikirkannya. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan kekeliruan ini, amalan tersebut tidak lagi diamalkan.

Amalan Berjaga-jaga Selama Tujuh Malam

Adat berjaga-jaga ini merupakan kesinambungan daripada adat bangkai-bangkaian yang mana amalan ini dilakukan selama tujuh malam secara berturut-turut. Dalam kepercayaan masyarakat Bajau terdahulu, mereka percaya bahawa amalan berjaga merupakan amalan yang perlu dilakukan sepanjang tujuh hari tujuh malam berturut-turut dari terbenam matahari hingga terbit matahari. Amalan ini dilakukan dengan tujuan untuk menemani si mati yang datang ke rumah. Dalam kepercayaan masyarakat Bajau dahulu, roh si mati akan sedih jika amalan ini tidak dilakukan dan dianggap tidak menghargai kehadiran roh si mati. Roh si mati dipercayai masih ingin bersama-sama dengan keluarga sehinggalah hari ke-100 dan akan pergi selama-lamanya selepas itu. Menurut peserta kajian:

“Roh jomo yang ai ngemban tu kang teko molek tak ruma’ nei. Diom asa datus elau. Jadi masa eh, iyo kang nuut ta keluarga nei, dokom keluman nei ta’ duniya. Maka eh, keluarga nei harus, besehe kok iyo, supaya iyo ben keluman.”

“Roh orang yang telah mati akan kembali ke rumah, dan akan berada selama seratus hari, ketika itu, ia seperti hidup bersama-sama keluarganya seperti dia hidup di dunia. Maka, keluarganya harus menemaninya supaya dia mempunyai kehidupan.”

Jika terdahulu, terdapat kepercayaan bahawa mereka harus menyediakan makanan dan minuman kerana si mati akan datang untuk makan dan minum makanan yang dihidang. Namun, setelah kehadiran Islam, kepercayaan ini hanya sekadar untuk memberikan makanan dan minuman kepada tetamu yang datang, terutamanya kepada imam dan orang yang sedang bertadarus sebagai tanda untuk menghormati tetamu. Amalan berjaga-jaga tujuh hari tujuh malam ini hanya berperanan untuk mengajak sesama ahli keluarga untuk menunaikan tanggungjawab mereka membaca al-Quran, memuhasabah diri dan mendekatkan diri dengan Allah. Berdasarkan kerangka analisis menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dapatlah dianalisis secara signifikan perubahan adat budaya masyarakat Bajau yang disesuaikan dengan ajaran Islam.

Adat Penjagaan Rumah

Pada masa dahulu, terdapat pelbagai adat dan amalan yang dilakukan oleh masyarakat Bajau Kota Marudu dalam menjaga rumah. Ternyata terdapat beberapa adat yang diamalkan yang bercanggah dengan Islam sama ada disedari atau tanpa disedari oleh masyarakat ini.

Penjagaan Rumah dengan Menggunakan Ikan Koruk

Ikan koruk atau dikenali dengan nama ikan puyu dalam masyarakat Melayu dianggap sebagai penjaga rumah oleh masyarakat Bajau Kota Marudu. Mereka percaya bahawa dengan adanya ikan tersebut di rumah, maka segala ilmu sihir dan seseorang yang berniat jahat akan terbatal. Maka dengan itu, ikan ini dianggap memiliki kekuatan dalam memberikan perlindungan kepada manusia. Namun, pengaruh Islam telah mengubah persepsi ini bahawa sebaik-baik pelindung adalah daripada Allah S.W.T dan bukannya daripada makhluk. Makhluk dianggap tidak memiliki apa-apa daya dan upaya melainkan atas keizinan daripada Allah. Maka dengan itu, kepercayaan bahawa ikan koruk dapat menjaga rumah dianggap menyekutukan Tuhan apabila ada antara manusia yang terlalu taasub memelihara ikan ini di rumah untuk memberikan perlindungan kepada manusia. Secara logiknya, ikan ini juga dipelihara

dan dilindungi manusia, lalu bagaimanakah pula ikan ini berupaya dan mempunyai kuasa untuk menjaga manusia?

Salah satu alasan yang sering didengari ialah ikan ini merupakan sejenis ikan yang tidak pernah tidur, secara saintifiknya kebanyakan ikan yang ada di dunia ini tidak pernah tidur. Ikan ini berduri tajam, maka dipercayai ikan ini ditakuti oleh makhluk ghaib seperti jin. Oleh yang demikian, ikan ini terus dipelihara di rumah dan terus dianggap memiliki kemampuan dalam menjaga rumah serta dapat memastikan rumah terus berada dalam keadaan selamat. Kenyataan peserta kajian adalah seperti yang berikut:

“Daing koruk tu niak pandai turi, iyon ben iting, eh no ben tinauh jomo ghaib.”

“Ikan koruk ini tidak pandai tidur, mempunyai duri, itulah yang akan menakutkan makhluk ghaib.”

Setelah kedatangan Islam, masyarakat Bajau Kota Marudu mengamalkan bacaan Yasin dan surah di rumah untuk menjaga rumah. Kepercayaan masyarakat ialah Allah sebaik-baik pelindung kepada mereka. Maka dengan itu, dengan doa dan amalan tersebut diyakini mereka terselamat daripada segala bahaya dan malapetaka yang tidak diingini. Maka adat dalam memelihara ikan koruk untuk menjaga rumah tidak diamalkan lagi, melainkan hanya untuk tujuan perhiasan. Ikan ini merupakan ikan yang mudah untuk dijaga, dirawat dan tidak memerlukan penjagaan terlalu rapi. Ikan ini juga memiliki ketahanan yang tinggi dan tidak mudah mati.

Berdasarkan penerangan ini, jelaslah bahawa Teori Pengkaedahan Melayu dapat digunakan untuk menganalisis amalan dan perubahan budaya setempat yang berlaku sama ada sebelum dan selepas. Di sini dapat disimpulkan bahawa nilai adat budaya setempat yang mereka amalkan adalah amat akrab dengan Islam. Sebagaimana dalam keutamaan analisis dalam teori ini ialah alam dan Islam sebagai landasan utama untuk menganalisis budaya. Seperti yang kita ketahui, pengaruh alam sekitar dalam masyarakat Bajau banyak memberikan pengaruh kepada pemikiran, tingkah laku dan amalan adat. Namun, kesemua adat yang mereka amalkan mengalami perubahan signifikan setelah wujud dan meningkatnya kefahaman terhadap Islam. Maka dengan itu, mereka lebih memilih untuk menapis amalan yang bertentangan dengan Islam dengan menggantikan amalan dengan cara mengadaptasi amalan tersebut untuk disesuaikan dengan ajaran Islam.

RUMUSAN

Secara kesimpulannya, pengaruh Islam telah memberikan kesan dinamik terhadap perubahan budaya dan transformasi budaya masyarakat setempat dengan kemasukan

nilai-nilai Islam. Perubahan yang paling ketara adalah dalam konteks perubahan sosiobudaya dan sosioekonomi. Perkara ini telah berjaya dianalisis menggunakan kerangka Teori Pengkaedahan Melayu, dalam meneroka sejauh mana pengaruh Islam telah mengubah adat budaya masyarakat Bajau Kota Marudu. Dalam dapatan kajian ini, didapati bahawa kesan peningkatan taraf pendidikan dan kehidupan menyebabkan perkembangan pola fikir masyarakat. Amalan yang mereka lakukan dalam kehidupan seharian dibentuk daripada kefahaman dan ketajaman pemikiran mereka. Kefahaman dan ketajaman pemikiran mereka ini menukar segala amalan yang bertentangan dengan Islam menjadi amalan yang mengikuti syariat Islam. Perkara ini berlaku atas kesedaran pemikiran logik dan rasional mereka yang dipandu dan berlandaskan ajaran Islam. Selain itu, faktor menginginkan kesejahteraan dan keharmonian hidup dalam masyarakat dan amalan adat diredai oleh Allah S.W.T. menjadikan amalan yang masih dianggap bertentangan dalam Islam ditinggalkan dan digantikan dengan amalan baharu yang menekankan nilai-nilai akidah dan amalan murni dalam Islam.

Secara teoritikalnya, kajian ini memberikan dimensi baharu terhadap transformasi dan konsistensi budaya dalam neraca Islam. Maka dengan itu, perubahan tersebut telah memberikan suatu keunikan tersendiri apatah lagi perbincangan ini menjurus kepada perubahan dalam sosiobudaya dan sosioekonomi. Keunikannya ialah perubahan tersebut menjelaskan bahawa masyarakat Bajau Kota Marudu masih lagi berpegang kepada nilai dan adat tradisi yang diwarisi tetapi berusaha melestarikannya dalam konteks amalan yang berbeza agar adat dan budaya tradisi mereka kekal relevan. Diharap lebih banyak kajian berkenaan pelestarian budaya, seni dan bahasa dalam pelbagai etnik lain dapat dihasilkan, sebagai usaha untuk lebih banyak korpus ilmu pengetahuan dan sumbangan kepada peningkatan khazanah bangsa yang sekali gus menyumbang dalam aspek teoritikal dan praktikal.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada para peserta kajian daripada etnik Bajau Kota Marudu yang sudi memberikan kerjasama dalam menjalankan kajian ini.

PENDANAAN

Pelaksanaan kajian ini didanai oleh penulis sendiri.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong dalam penulisan tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan. Penulis tiada sebarang konflik kepentingan berhubung penyelidikan, penerbitan atau penulisan artikel ini. Semua pandangan dan hasil yang dikemukakan berdasarkan pertimbangan akademik semata-mata.

PERNYATAAN PENGGUNAAN KECERDASAN GENERATIF

Kesemua hasil tulisan tidak menggunakan kecerdasan generatif. Penulisan dilakukan sendiri oleh penulis berdasarkan maklumat daripada kajian lapangan dan data sekunder daripada kajian perpustakaan.

RUJUKAN

- Azmin Pullong, Saifulazry Mokhtar, Mohd Nur Hidayat Hasbollah, & Mohd Sohaimi Esa. (2022). Adat perkahwinan masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah: Penilaian dari perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 283 – 294. DOI: 10.55573/JISED.074728.
- Azmin Pullong. (2020). *Penilaian Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Universiti Malaysia Sabah.
- Halina Sendera Mohd Yakin. (2007). Identiti Budaya Etnik Palau' di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya. *Kertas Kadangkala*. Bil. 7. Universiti Malaysia Sabah.
- Jasman Bandar & Asmiaty Amat. (2025). Struktur, klasifikasi pugai dan kaitannya dengan sarwajagat masyarakat Bajau Kota Marudu, Sabah, Malaysia. *Kajian Malaysia*.
- Jasman Bandar & Lokman Abdul Samad. (2018). A Narratives on The Origin of Mantra in the Bajau Community in Pitas, Sabah. dlm. *Malay Literature Journal*, Volume 31 No. 2 December.
- Jasman Bandar, Lokman Abdul Samad & Asmiaty Amat. (2018). Mekanisme kuasa magis dalam bacaan Badu' Bajau Kota Marudu: *Satu Tinjauan Awal IST National Postgraduate Seminar for Social Sciences and Humanities*, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan. Universiti Malaysia Sabah.
- Malinowski, B. (1965). The Role Magic and Religion. dlm. *Reader in Comparative Religion*. Edisi Kedua. London.
- Maxwell, W.E. (1879). A Malay Kramat. dlm. *JSBRAS*. No.2 Disember.
- Mohd Taib Osman. (1977). Perbomohan: Satu Aspek World View dalam Budaya Melayu. dlm. Zainal Kling (ed.). *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2012). *Bajau Pantai Barat: Siri Etnik Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Syamsul Azizul Alan. (2013). Tradisi dalam masyarakat Bajau di Semporna Sabah: Analisis

dari perspektif ‘urf dalam hukum Islam abatan fiqh dan usul. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Yap, Ben Liang. (1995). *Social Change in the Bajau Community of Kota Belud, Sabah*. Paper presented at The International Conference on Bajau/Sama Community. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. June 24–28th.